

Gah!

Gaya Hidup • Artistik • Hiburan

Memburu segulung ijazah dalam bidang seni – baik teater, muzik atau lukisan sahaja, memerlukan kecekalan dan semangat tidak mudah putus asa. Ia merupakan satu perjuangan panjang bahkan meliputi tempoh tamat pengajian dengan ramai mempertikai tugas sebagai karyawan seni kerana khawatir ia tidak akan membawa pulangan lumayan dalam dunia serba kebendaan ini. Bagaimanapun, berbekalkan pengalaman industri serta proses jatuh bangun mencuba sampai jaya, tiga pemuda ini tamat pengajian seni masing-masing dengan ijazah kepujian kelas pertama. **HARYANI ISMAH** (haryani@sph.com.sg) melaporkan.

TEATER

Seni kembara jauh, perkasa jiwa

JERIH payah membesar bersama dua adik dalam kesempatan wang di flat sewa sebilik di Marine Parade banyak membuka mata Encik Muhammad Khairulnizam Razali.

Pada usianya 10 tahun, ibu bapanya berpisah. Ibunya berhempas pulas membereskan dua hingga tiga tugas sehari sebagai pakar kecantikan.

Sebagai anak sulung tiga beradik, Encik Muhammad Khairulnizam yang lebih dikenali dengan nama pentas KayKay Nizam, lebih berikar dengan menyiapkan sendiri makan malam ringkas berupa mi segera goreng atau mi segera dengan keju.

Justeru apabila ditanya tentang pengertian ijazah sarjana muda sastera (kepujian kelas pertama) dalam seni teater daripada Universiti Essex/Akademi Seni Halus Nanyang (Nafa) yang diraihnya baru-baru ini, pemuda berusia 26 tahun ini berkata:

“Secara peribadi, saya tidak begitu kisahkan kelas apa yang saya perolehi sebab apabila saya menghadiri sesi uji bakat bagi sesebuah persembahan, ia bukan jadi persoalan.

“Bagaimanapun, kejayaan ini lebih membanggakan ibu saya dan bererti buatnya selepas susah payah membesarkan kami dalam keadaan serba kekurangan.

“Saya ingat betapa kami tinggal di ruang sempit, berebut-rebut nak mandi kerana bilik air hanya satu. Tapi Alhamdulillah kera-

na dari kecil sudah diajar masak sendiri, adik-adik saya kini mahir di dapur!”

Encik Muhammad Khairulnizam kini antara peneraju kolektif seni The Kaizen M.D. bermula sebagai penari kru dansa hip hop Fantastic Four pada usia 15 tahun.

Sikapnya yang tidak tahu duduk diam sejak usia remaja membuka rezeki buatnya bekerja sebagai penari di disko dengan bayaran \$100 bagi setiap persembahan.

Bagaimanapun, cintanya terhadap teater semakin berkembang selepas menemui juara Anugerah Skrin 2016, Syaiful 'Ariffin, yang juga penuntut Nafa ketika itu.

Perkenalan mereka bermula sewaktu di Perkhidmatan Negara (NS) apabila Syaiful ditemui menjayakan satu persembahan sekitar Orchard Road. Encik Muhammad Khairulnizam diminta menonton karya *Blue Room* arahan aktivis teater Matt Grey.

Banyak perkara tentang dunia seniman juga mereka perbualkan di kedai kopi hingga dinihari.

Secara bersama, dunia teater diselami hingga Encik Muhammad Khairulnizam tertarik mengikuti Diploma Teater di Nafa meskipun memiliki Diploma Media Massa daripada Institut Pembangunan Pengurusan Singapura (MDIS).

“Awalnya, saya ingin ceburi bidang pengiklanan atau perhubungan awam tetapi

rasanya ia tidak sesuai dengan personaliti saya yang mudah ‘lemas’ jika terikat di balik komputer saban waktu dalam pejabat!

“Kecenderungan saya lebih pada sesuatu yang secara semula jadi mudah dilakukan dengan baik. Seni pentas dan lakonan memiliki cabaran tersendiri. Saya berusaha fahami setiap aspek seni, bukan sahaja sebagai pelakon tetapi sebagai kru penerbitan dan dalam aspek pencahayaan serta set juga.

“Ia juga membawa saya melihat dunia dan memperkaya pengalaman industri saya,” ceritanya.

Encik Muhammad Khairulnizam bahkan rasa bertuah dilibatkan dalam pameran jelajah seni sempena ulang tahun ke-50 Singapura (SG50), *Singapore: Inside Out*, kendalian Lembaga Pelancongan Singapura (STB), tahun lalu.

Beliau terbang ke Beijing, London dan New York bagi menyampaikan monolog yang merakam kehidupan, pengalaman bertugas dan kisah keluarga seniman Melayu yang terlibat dalam projek itu, Encik Zul Mahmud dan Encik Farizwan Fajari (Speak Cryptic).

“Saya berlakon di bawah arahan Tan Kheng Hua atas usulan suaminya, Lim Yu Beng. Di London dan Beijing khususnya, saya lihat betapa seni diraikan dengan gemilang. Di Beijing, seisi taman perusahaan yang tidak lagi berfungsi sebagai hab niaga diambil alih golongan seniman.



MILIKI VISI SENI: Encik Muhammad Khairulnizam Razali yang meraih ijazah sarjana muda sastera (kelas pertama) dalam seni teater daripada Akademi Seni Halus Nanyang (Nafa) melihat jiwa mudanya yang dahulu memberontak dan mudah bingung kini lebih bermatlamat dengan seni. – Foto SHAKIR SAIFUDDIN

“Ruang yang ada jadi lokasi berseni. Ia bak sebuah kampung seniman. Di London pula, saya temui penghuni rumah warga tua yang berusia 90-an tahun.

“Beliau sanggup jalan tertekar-ketar selama 45 minit daripada rumah kebajikan itu bagi menonton kami kerana ayahnya selalu berulang-alik dari London ke Singapura sebelum tempoh kemerdekaan. Ia satu penghargaan buat saya kerana beliau mampu berbahasa Melayu!” kongsi Encik Muhammad Khairulnizam.

Apa yang membuatnya bertahan dalam bidang seni hingga ke hari ini ialah cogan kata yang diuar-uarkan seniman Rizman Putra, “Don’t hate, just joget!”

“Saya jenis yang bak kata anak Melayu sekarang, ‘go jer’ (buat sahaja). Kalau ada secebis kesangsian di hati tentang cabaran yang mendatang, maknanya seni bukan untuk anda,” katanya yang kini terlibat sebagai pengurus penerbitan seni pentas, muzik dan tarian India, *Raga* di Esplanade.

MUZIK

Terselamat dari belenggu kenakalan remaja kerana gitar

GITAR elektronik menyelamatkan Encik Muhammad Sanocima Shaiful Bahari daripada terjebak dalam kegiatan kurang sihat dan kenakalan samseng remaja di kejiannya.

Inilah yang diyakininya mengenang titik awal dirinya jatuh cinta pada bidang muzik khususnya irama petikan gitar kontemporari yang mengasyikkan.

Tahun ini, segala jerih payah dan pengorbanan masa serta keringatnya dalam memburu ilmu muzik di Maktab Seni Lasalle berbaloi dengan dirinya menutup tirai pengajian berbekalkan ijazah sarjana muda sastera dengan kepujian kelas pertama dalam muzik.

Majlis tamat pengajian pelajar Lasalle berlangsung di Dewan Persidangan dan Pameran Singapore Expo kelmarin dengan dihadiri Pemangku Menteri Pendidikan (Pendidikan Tinggi dan Kemahiran), Encik Ong Ye Kung.

Ketika ditemui di Maktab Seni Lasalle baru-baru ini, Encik Muhammad Sanocima, 24 tahun, yang mempunyai ibu berketurunan Jepun, berkata:

“Saya menetap di kejiiran sekitar kawasan timur Singapura yang terkenal dengan profil remaja bermasalah dan keluarga berantakan.

“Boleh dikatakan, saya tahu sudut-sudut mana yang dipenuhi samseng. Saya juga sering melihat remaja hidup tanpa haluan bahkan mencuri motosikal.

“Mujurlah, saya lebih berminat memetik gitar! Itulah hobi saya selepas waktu sekolah. Malahan saya lebih selesa duduk di rumah dan main gitar daripada menjadi kutu embun! Gitarlah penyelamat saya.”

Bapanya yang merupakan pemilik kedai motosikal pernah menghantarnya ke Sekolah Muzik Yamaha bagi mempelajari teknik memetik gitar klasik tetapi ia hanya bagi sementara waktu sahaja kerana Encik Muhammad Sanocima tidak berminat mendalami irama gitar klasik.

“Dalam fikiran, saya nak jadi macam gitaris rok Jimi Hendrix. Maka saya belajar di Yamaha separuh jalan dan bekerja di restoran makanan segera agar dapat kumpul duit bagi membeli gitar elektronik. Dalam masa enam bulan, saya miliki gitar sendiri hasil titik peluh saya bekerja!” ceritanya.

Kerana minat mendalam menjadi karyawan muzik, pemuda ini meninggalkan kursus layanan tamu di Institut Pendidikan Teknikal (ITE) hanya selepas sebulan mengikutinya.

Beliau yang boleh bermain dram, alat gendang Brazil dan piano langsung mengambil kursus diploma muzik di Lasalle sebelum meneruskan pengajian setahun di peringkat ijazah kepujian.

Semangatnya membangun persada muzik setempat membara dengan tesis tahun kepujian menyelongkar kepentingan geran pemerintah dalam memperkasa serta memantapkan industri muzik di Singapura.



GITAR ELEKTRONIK SEGALANYA: Encik Muhammad Sanocima Shaiful Bahari yang mendapat tajaan jenama gitar Gibson yakin kemahiran muzik mampu mengubah hidup belia seperti ini. – Foto KHALID BABA

“Banyak artis setempat seperti Gentle Bones, The Sam Willows, Linying dan Deon mengikat kontrak dan diuruskan label rakan mapan seperti Sony Music dan Universal.

“Mereka sebaik artis hebat di rantau ini mahupun sedunia. Bagi saya adalah satu penghormatan besar apabila diberi kepercayaan bermain gitar atau menyusun muzik

buat artis setempat seperti Linying, Jawn, Hydir Idris dan Kalyssa.

“Merantau sejauh Osaka, Jepun bagi Pesta Summer Sonic, mengikuti pelayaran Princess Cruises ke China, Korea Selatan dan Jepun juga mengembirakan. Saya menanti peluang membuat persembahan di London dan Australia tidak lama lagi,” ujarnya lagi.

SENI HALUS

Semakin sedar seni tembikar bagaikan penawar tekanan

SEBELUM menyelami betapa menenangkan proses menyiapkan tembikar ketika meniti usia remaja, Encik Muhammad Nhwafal Juma'at sering tertanya-tanya mengapa ibunya, Cik Junainah Eusope, berkorban jiwa raganya bagi kesenian itu.

Kini, selepas bergelar pegawai teknikal bengkel tembikar di Akademi Seni Halus Nanyang (Nafa) sejour tamat pengajian sarjana muda sastera dalam seni halus dengan kepujian kelas pertama di institusi itu, barulah beliau dapat merasakan mengapa ia bak penawar tekanan.

“Dulu ibu saya yang kini mengajar membuat tembikar kepada pesakit mental yang melalui pemulihan di Kelab Heal, akan menunjukkan saya karyanya.

“Saya tak begitu minati seni tembikar dan hanya mengulas, ia aktiviti yang cool atau warnanya cantik. Sekarang selepas mempelajari seni ini, barulah saya faham apa yang buat ibu saya bersemangat. Ada juga persamaan kami yang boleh dijadikan bahan bersembang!” jelas Encik Muhammad Nhwafal, 25 tahun.

Justeru itu, mengenang jerih payah ibunya membesarkan dirinya dan menyekolahkan ke institusi seni yang memerlukan biaya yang banyak, kejayaan yang diraih, baru-baru ini, merupakan hadiah buat ibunya yang kini rakan sokongan pemulih di Kelab Heal.

“Pendirian saya terhadap seni agak klise. Anda harus memiliki fikiran terbuka bagi menerima kritikan orang lain dan perbaiki diri serta karya anda.

“Kalau nak jadi insan seni, anda perlu tahu matlamat anda dalam bidang ini. Bebas berfikir tetapi perlu kawal diri dalam setiap langkah agar fokus anda terjamin.

“Yang penting, jangan pernah penat mencari ruang dan peluang kemahiran anda. Usaha harapkan segala rezeki jatuh ke pangkuan



TEROKA PELUANG KEEMASAN: Encik Muhammad Nhwafal Juma'at sentiasa merebut peluang menyertai projek seni seperti program bimbingan Noise Singapore. – Foto IMAN ALIF

anda tanpa berusaha. Itulah kerja keras seorang seniman,” tambah Encik Muhammad Nhwafal lagi.

Cita-citanya menjadi karyawan seni dijana sejak di bangku Sekolah Menengah Hong Kah menyusuli satu kunjungan ke Rumah Terbuka Nafa.

Kini, selain mememahi kontrak kerja setahun, tumpuannya juga adalah pada program bimbingan Majlis Seni Kebangsaan (NAC), Noise Singapore.

Beliau dibimbing seniman karya digital, Encik Ong Kian Peng, pemenang Anugerah Bakat Muda Presiden,

yang dianggap memiliki arus pemikiran serupa dengannya.

Projek yang bakal dirasmikan Januari depan di Waterloo Street ialah mengenai ruang kegelapan dan bagaimana struktur hitam yang dibina menjelas sesebuah lokasi.

“Adanya ruang tersebut bagi orang ramai teroka jauh beza daripada kesibukan suasana pekerja yang lalu-lalang pada waktu makan tengah hari di Waterloo Street,” katanya yang berharap dapat merebut peluang mengikuti program penempatan seni di rantau ini selain mengadakan pameran bersama dengan ibunya atau memabitkan anggotanya Kelab Heal.